

Pembangunan semula Kampung Baru

RM850 satu kaki persegi, RM150 saham SPV

Pemilik beli hartanah turut dapat potongan harga 15 peratus

Oleh Mohd Azis Ngah, Luqman Arif Abdul Karim dan Fahmy A Rosli
bhnews@bh.com.my

Kuala Lumpur: Pemilik tanah di Kampung Baru semalam ditawarkan harga baharu lebih tinggi RM1,000 satu kaki persegi, berbanding RM850 untuk pembangunan semula kampung di tengah-tengah ibu negara itu.

Tawaran muktamad itu menyusul apabila sebahagian besar penduduk berpendapat tawaran harga RM850 sekaki persegi tidak setimpal memandangkan lokasi strategik penempatan itu dan meminta kerajaan mengkajinya semula.

Tawaran terbaru itu memperuntukkan harga tanah akan dibayar secara tunai RM850 sekaki persegi, manakala baki RM150 sekaki persegi lagi akan

diberikan kepada pemilik sebagai pegangan saham dalam syarikat tujuan khas (SPV) yang bakal dibentuk.

Mengemukakan tawaran baharu itu, Menteri Wilayah Persekutuan, Khalid Abdul Samad, berkata perincian mengenai pulangan dalam bentuk pegangan saham dalam SPV itu akan diperhalusi dan dimuktamadkan sebelum perjanjian ditandatangani.

"Saya berkesempatan untuk berbincang perkara ini (tawaran baharu) bersama Perdana Menteri, Tun Dr Mahathir Mohamad dan sudah melaporkan segala input dan kehendak yang diperoleh daripada sesi *townhall* (libat urus) terdahulu," katanya pada sidang media khas di lobi Ibu Pejabat Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL), di sini.

Yang turut hadir, Pengerusi Perbadanan Kampung Baru (PKB), Tan Sri Ambrin Buang dan Datuk Bandar Kuala Lumpur, Datuk Nor Hisham Ahmad Ahmad Dahlan.

Selain pakej baharu bernilai RM1,000 satu kaki persegi, Khalid turut mengemukakan tambahan tawaran lain, iaitu potongan harga berjumlah 15 peratus bagi pemilik tanah yang memilih untuk membeli hartanah dalam projek pembangunan semula itu.



Khalid dan Nor Hisham melihat replika model projek pembangunan Kampung Baru dipamerkan di lobi Ibu Pejabat DBKL selepas sidang media khas di Kuala Lumpur, semalam. (Foto Intan Nur Elliana Zakaria/BH)

Memberikan contoh, harga rumah Residensi Wilayah yang dibangunkan di Kampung Baru akan dijual kepada pemilik tanah pada harga RM255,000 seunit sahaja membabitkan keluasan lantai 900 kaki persegi berbanding harga asal, iaitu RM300,000 seunit.

Tawaran baharu berkenaan disifatkan sebahagian usaha kerajaan bagi menggalakkan 825 pemilik lot di Kampung Baru memilih untuk terus menetap di kawasan 'segi tiga emas' itu, termasuk mempunyai pegangan terhadap tanah mereka.

Khalid sekali lagi menegaskan tawaran terbaru dikemukakan itu adalah yang terakhir boleh diberikan kerajaan kepada pemilik tanah Kampung Baru.

"Saya kira ini tawaran akhir dan terbaik yang ingin dikemukakan kerajaan kepada semua pemilik tanah Kampung Baru," katanya.

Katanya, tawaran asal bagi empat pilihan kepada pemilik tanah

seperti diumumkan pada 21 September ketika sesi pertemuan bersama pemilik juga kekal.

Empat tawaran itu ialah mereka boleh menerima pulangan secara tunai, pulangan dalam bentuk unit siap, kombinasi pulangan tunai dan unit siap, serta pulangan sebagai pemegang saham dalam SPV.

"Saya nak beli, (kemudian) nak jual kepada Melayu. Kalau jual harga tinggi (sangat) Melayu tak

mampu beli. Kita beli harga Melayu, kita jual harga Melayu juga," katanya.

"Sehubungan itu, kerajaan ingin menyeru kepada semua pemilik tanah Kampung Baru yang terbabit dalam rancangan pembangunan semula ini untuk mengemukakan borang maklum balas mengenai persetujuan pembangunan semula kawasan ini.

"Ini tawaran terakhir, apa kita akan buat selepas ini adalah turun dan bertemu pemilik setiap lot dan jelaskan.

"Sama ada dia setuju atau tidak, biar atas dasar pemahaman jelas... saya rasa mereka masih ada yang tidak faham," katanya.

Tarikh akhir bagi penyerahan borang maklum balas itu ditetapkan pada 30 November ini.

Bellau berkata, daripada 2,500 borang maklum balas dikeluarkan ketika sesi pertemuan bersama penduduk pada September lalu, seramai 1,371 maklum balas dikembalikan dengan 96 peratus menyatakan persetujuan mereka.

Saya kira ini tawaran akhir dan terbaik yang ingin dikemukakan kerajaan kepada semua pemilik tanah Kampung Baru.

Khalid Abdul Samad, Menteri Wilayah Persekutuan